



## **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

### **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**Khamis, 6 Januari 2022**

- |           |   |
|-----------|---|
| <b>1.</b> | <b>275 wira agro di Melaka terjejas banjir, Rugi 2.8 Juta</b> |
|-----------|---|

**DISEDIAKAN OLEH:**

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6.1.2022	METRO	ONLINE	

## 275 WIRA AGRO DI MELAKA TERJEJAS BANJIR, RUGI RM2.8 JUTA



AHMAD Hamzah (kanan) melihat sangkar ternakan arnab seorang wira agro yang terjejas akibat banjir di Kampung Ramuan China Kecil di Lubuk Cina, Melaka. - FOTO/MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI

**ALOR GAJAH:** Seramai 275 wira agro di negeri ini terjejas akibat banjir dengan kerugian dianggarkan berjumlah RM2.8 juta. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, laporan awal setakat 4 Januari mendapat, daerah Alor Gajah mencatatkan bilangan petani atau penternak paling ramai terjejas iaitu seramai 138 orang, diikuti Melaka Tengah (76 orang) dan Jasin (61 orang).

Menurut beliau, jumlah itu dijangka akan meningkat memandangkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) masih menjalankan penilaian.

"Banjir yang melanda telah memusnahkan segala hasil tanaman dan ternakan mereka. MAFI melalui pelbagai jabatan dan agensi masih melaksanakan penilaian bagi mengenal pasti kerugian sebenar yang dialami oleh golongan sasar yang terkesan."

"Saya yakin Dana Bangkit Semula Keluarga Agro berjumlah RM100 juta dan Tabung Bencana melalui Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agro Makanan (PPSPA) berjumlah RM80 juta serta Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) sebanyak RM12 juta dapat memberi nafas baru kepada wira agro untuk bangkit semula.

"Ia sekaligus akan memastikan sekuriti makanan Keluarga Malaysia terus terjamin dan kelangsungan perusahaan wira agro terbela," katanya pada program menyantuni wira agro di Kampung Ramuan China Kecil, di sini hari ini.

Terdahulu, Ahmad menyampaikan sumbangan bakul makanan, set selimut dan makanan ternakan kepada 30 penerima yang terjejas banjir melalui inisiatif MAFI Prihatin.

Sementara itu, mengenai kenaikan harga makanan, Ahmad berkata, setakat ini harga makanan masih lagi stabil meskipun negara dilanda musibah banjir yang memusnahkan banyak tanaman serta ternakan.

"Semoga dengan bantuan kerajaan ini akan segera menstabilkan bekalan di pasaran termasuk harganya sekali. Kenaikan harga makanan seperti ikan segar ketika ini adalah disebabkan fenomena cuaca yang tidak menentu," katanya. – UTUSAN

"Pada 17 Jun lalu, Mesyuarat Jawatankuasa Pengesahan Pengiktirafan Halal Luar Negara, Jakim meluluskan pembaharuan pengiktirafan kepada SHC bermula 24 Januari 2022 hingga 31 Disember 2023.

"Sijil baharu belum dikeluarkan kerana tempoh pengiktirafan sedia ada kepada badan pensijilan ini masih belum tamat," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, kelulusan pembaharuan pengiktirafan badan pensijilan halal tersebut dipersetujui dan disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengesahan Pengiktirafan Halal Luar Negara, Jakim yang bersidang pada 17 Jun lalu.

Kenyataan akhbar bersama yang dikeluarkan DVS dan Jakim hari ini adalah bagi menjelaskan kekeliruan penceramah bebas yang mempertikaikan kenyataan DVS terdahulu berhubung isu berbangkit yang ditularkan baru-baru ini.

Terdahulu, video seorang penceramah bebas yang tular dalam media sosial itu mendakwa loji-loji ayam Thailand dan China yang mengeksport produk ayam ke Malaysia telah tamat tempoh dan tidak halal.